

**Muhyiddin Lawat Makmal Digital Malaysia  
Bernama  
Ogos 16, 2011**

PETALING JAYA, 16 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat makmal Digital Malaysia di sini bagi mengkaji semula kemajuan mengenai pembangunan ekonomi digital yang inovatif.

Digital Malaysia merupakan rancangan strategik kerajaan bagi mempertingkatkan pertumbuhan merentas semua sektor ekonomi dan mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk inovasi, pelaburan dan bakat.

Ketibaan Muhyiddin di makmal itu disambut oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Maximus Ongkili dan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDec) Datuk Badlisham Ghazali.

Lawatan tersebut adalah untuk mengkaji semula bengkel yang masuk minggu terakhir selepas bermula 18 Julai lalu, kata Pengarah Komunikasi Korporat MDec, T. Vijayaratnam, kepada pemberita selepas kunjungan itu.

"Kami akan membangunkan ekosistem yang menggalakkan penggunaan meluas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam semua aspek ekonomi bagi membolehkan masyarakat berhubung di peringkat dunia dan berinteraksi secara tepat masa," katanya.

Ianya berdasarkan kerangka kerja ekonomi digital yang inovatif.

Makmal tersebut merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi menerusi bengkel-bengkel Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi kerajaan (GTP).

Sejak dimulakan tiga minggu lalu, seramai 317 peserta telah terbabit secara sepenuh masa dalam makmal itu.

-- BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608619>